

13/05/1998

Laksana arkitektur kewangan dunia: PM (HL)

Mior Kamarul Shahid in Kaherah

KAHERAH, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencadangkan lima kajian semula yang menyeluruh terhadap struktur sistem kewangan antarabangsa bagi menangani masalah kegawatan ekonomi dan merebaknya fenomena yang sama ke negara membangun.

Kajian semula yang dipanggil arkitektur sistem kewangan antarabangsa itu ialah:

- * Mengukuhkan pengawalan pasaran kewangan dan pengaliran modal antarabangsa untuk meningkatkan pemahaman dan ketelusan pengaliran modal antarabangsa yang dinamik.

- * Pemerhatian yang lebih besar diberikan terhadap potensi risiko pengaliran timbal balik modal.

- * Perkongsian maklumat dan penyelarasan antara pembuat peraturan setiap negara.

- * Kekekapan dialog antara institusi kewangan antarabangsa dan peserta pasaran.

- * Keperluan peraturan yang berkesan dan dana antarabangsa yang mencukupi daripada peminjam sebagai langkah terakhir.

Butir-butir ini terkandung dalam kertas dasar bertajuk 'Perkembangan Pasaran Kewangan Antarabangsa' yang dibentangkan oleh Perdana Menteri pada sesi hari pertama sidang kemuncak ketua-ketua negara dan kerajaan negara membangun Kumpulan 15 (G15), di sini semalam.

Dr Mahathir juga menyentuh fungsi masyarakat antarabangsa menghadapi mekanisme pasaran yang tidak cekap yang memerlukan kerjasama global dalam meningkatkan operasi pasaran modal, bermula dengan perubahan sikap Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

Hari ini, semua ketua negara berkenaan meneruskan perbincangan sambil berehat di Sharm El-Shiekh, Sinai, sebuah pusat peranginan bersejarah, kira-kira sejam penerbangan dari sini.

Rundingan akan diteruskan esok sebelum satu pernyataan bersama yang banyak menyentuh soal kewangan antarabangsa kesan perkembangan di Asia Tenggara akan dikeluarkan.

Memberitahu pemberita di sini malam tadi, Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menjelaskan penerangan dalam kertas dasar Dr Mahathir itu menguatkan azam ketua-ketua negara dan kerajaan G15 untuk mengadakan peraturan urus niaga wang yang lebih telus.

Dengan penjelasan Dr Mahathir mengenai keadaan mutakhir di Malaysia dan Indonesia, ketua negara dan kerajaan G15 sedar negara membangun tidak terlepas daripada menghadapi masalah itu.

Abdullah berkata, wujud kebimbangan di kalangan ketua negara dan kerajaan G15 bahawa krisis seperti ini boleh berlaku di negara mana juga, jika tindakan tidak diambil untuk mencegahnya.

Antaranya ialah dengan mengadakan satu peraturan perdagangan mata wang yang telus, di samping jaminan supaya mata wang lebih stabil dan tidak lagi terapung.

Menurut Abdullah, empat pemimpin yang memberi reaksi terhadap ucapan Dr Mahathir iaitu dari Kenya, Algeria, Senegal dan Zimbabwe, yang menyatakan persetujuan mereka dengan pandangan Dr Mahathir.

Keempat-empat pemimpin berkenaan juga bercakap mengenai deregulasi, liberalisasi dan globalisasi dengan menyatakan ia adalah proses yang mendedahkan ekonomi negara membangun, yang menyebabkan ia tidak dapat mengelak daripada tekanan.

Oleh itu, adalah penting supaya negara membangun lebih berwaspada supaya tidak mengikut arus globalisasi tanpa berhati-hati.

Dalam kertas dasar itu, Dr Mahathir menjelaskan kesan yang berlaku di Malaysia sejak spekulasi terhadap mata wang Malaysia yang menyebabkan nilai ringgit jatuh begitu teruk.

Penjelasan Dr Mahathir itu adalah maklumat tambahan daripada apa yang beliau berikan ketika persidangan G15 di Kuala Lumpur tahun lalu.

"Niat dan tujuannya ialah untuk membolehkan satu perbincangan yang meluas diadakan berasaskan kepada pengalaman negara anggota yang melalui krisis kewangan dan kegawatan ekonomi masing-masing," katanya.

Abdullah berkata, ini adalah satu perkembangan yang sungguh baik dalam erti kata bahawa pemahaman masalah krisis kewangan, punca dan sebabnya makin diketahui. Dengan itu, sudah ada seruan supaya sesuatu tindakan mestilah diambil untuk mengelak ia terus berlaku.

Selepas sidang kemuncak G15 hari pertama berakhir, Dr Mahathir mengadakan pertemuan dengan Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe, membincangkan antara lain soal pelaburan Malaysia di Afrika, khususnya di Tanzania yang terdapat kempen memburuk-burukkan Malaysia.

Dr Mahathir menjelaskan apa juga projek yang dilaksanakan di Afrika memberi keuntungan bersama.

Ia bukan berupa eksploitasi terhadap rakyat Afrika, malah satu peluang untuk mereka.

(END)